

28 JUN 1999

Khalil-Pengkorporatan

CADANGAN PENGKORPORATAN FILEM NEGARA DAN FINAS KE KABINET

PETALING JAYA, 28 Jun (Bernama) -- Kementerian Penerangan akan mengemukakan kertas kajian cadangan pengkorporatkan Filem Negara dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) kepada Kabinet sebelum penghujung tahun ini, kata Menteri berkenaan Tan Sri Khalil Yaakob hari ini.

Beliau berkata cadangan pengkorporatan itu berikutan pembatalan cadangan penswastaaan kedua-dua agensi tersebut, seperti yang diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini.

"Kementerian akan kemukakan kepada Kabinet tentang konsep pengkorporatan yang kita fikirkan sesuai," katanya kepada pemberita selepas melawat Filem Negara di sini.

Khalil berkata, kertas kajian di peringkat kementerian telah selesai dan ianya akan dikemukakan kepada Kabinet selepas perbincangan dengan semua pihak berkaitan.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, bahawa tempoh berkempen pilihan raya umum akan datang adalah singkat, Khalil yang juga setiausaha agung Umno berkata, kempen yang agak singkat akan lebih berkesan dari segi menghindarkan perkara tidak sihat yang mungkin timbul.

"Orang sudah tahu bila suasana pilihan raya, sudah berkempen. Cuma bukan secara rasmi. Sekarang pun dah kempen dan parti-parti lawan dah ke sana sini (untuk berkempen)," katanya.

Ditanya tempoh yang sesuai untuk berkempen, beliau berkata ianya terpulang kepada Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) untuk menentukannya.

Ditanya mengenai kenyataan Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat semalam bahawa anggota Majlis Tertinggi Umno, Datuk Mustapa Mohamed tidak layak membicarakan isu ciri fahaman Syiah dan Khawarij, yang dikatakan wujud di kalangan penyokong PAS, disebabkan ia bukan bidang tugasnya, Khalil berkata beliau tidak nampak Mustapa tidak layak dalam membicarakan hal ini.

"Nik Aziz ahli politik juga, Mustapa pun ahli politik juga. Apa bezanya yang satu layak dan satu lagi tak layak?" katanya.

-- BERNAMA

RV RI